

NO. SOALAN: 276

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah kemasukan pelancong antarabangsa dan domestik bagi negeri-negeri di seluruh Malaysia pada tahun 2016 hingga pertengahan tahun 2017.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Penyiasatan Pelancongan Domestik 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah keseluruhan pelancong domestik adalah seramai 66 juta orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Pelancong Domestik (orang)
Johor	7,406,200
Kedah	4,864,100
Kelantan	4,102,100
Melaka	3,933,600
Negeri Sembilan	5,343,700
Pahang	6,916,500
Pulau Pinang	2,968,400
Perak	7,202,400
Perlis	791,700
Selangor	5,520,500
Terengganu	4,238,400
Sabah	3,916,000
Sarawak	4,754,400
WP Kuala Lumpur	3,507,800
WP Labuan	228,000
WP Putrajaya	327,600
Jumlah	66,021,500

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data bagi pelancong asing ke negeri-negeri diperolehi daripada Kajian Penginapan Berbayar yang dijalankan oleh Tourism Malaysia secara suku tahunan untuk mendapatkan jumlah pelancong asing yang menggunakan penginapan berbayar di negeri-negeri. Pada masa ini, Kementerian ini hanya mempunyai data keseluruhan bagi bulan Januari hingga September 2016 iaitu sebanyak 18.7 juta orang. Manakala, data bagi pelancong antarabangsa dan domestik mengikut negeri bagi setengah tahun pertama 2017 masih belum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.